



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

KPWKM TINGKAT KEMPEN ADVOKASI GANGGUAN SEKSUAL MANGSA DIGESA BERANI TAMPIL BUAT ADUAN

TERENGGANU, 10 SEPTEMBER – Gangguan seksual merupakan fenomena global yang semakin membarah dan dihadapi oleh masyarakat di seluruh dunia termasuk Malaysia. Gangguan seksual ini merupakan kelakuan bersifat seksual sama ada secara fizikal, lisan, visual atau isyarat oleh pelaku ke atas mangsa yang memberi impak negatif kepada kesihatan mental, fizikal, psikososial mangsa dan sekali gus mencemar kesejahteraan masyarakat.

Mangsa digesa berani tampil membuat aduan kepada pihak berkuasa agar isu ini dapat dibendung. Selain itu mangsa juga perlu dibela serta dibantu untuk mendapat pengadilan dan perlindungan. Isu gangguan seksual perlu diberi perhatian serius kerana mendorong kepada perlakuan jenayah seksual yang lebih berat seperti serangan atau keganasan seksual termasuk ugutan dan rogol.

Tinjauan Global yang dibuat oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (*International Labour Organization* [ILO]) pada tahun 2022, telah mendapati lebih satu daripada lima pekerja atau lebih 20 peratus telah mengalami sekurang-kurangnya sekali gangguan atau keganasan seksual yang dilakukan oleh ketua atau rakan sekerja mereka. Manakala lebih tiga daripada lima pekerja atau lebih 60 peratus yang menjadi mangsa mengalami gangguan atau keganasan seksual secara berulang kali di tempat kerja.

Statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM) menunjukkan terdapat 477 kes gangguan seksual dilaporkan pada tahun 2022, dengan 14 kes daripadanya dilaporkan di negeri Terengganu. Walaupun jumlah kes ini dilihat kecil tapi kesannya tidak boleh diambil ringan. Setiap individu tanpa mengira peringkat umur, bangsa dan jantina terdedah kepada risiko gangguan seksual.

Justeru Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) telah mengambil langkah signifikan menerusi penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840], sebagai suatu Akta khusus untuk membendung kesalahan gangguan seksual agar tidak terus dinormalisasikan dalam kehidupan masyarakat. Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840] ini telah digubal sebagai satu manifestasi penting Kerajaan bahawa kesalahan gangguan seksual merupakan satu pelanggaran kepada hak asasi manusia dan wajib dihentikan.

YB Hajah Aiman Athirah Binti Sabu, Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah menyempurnakan perasmian Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual yang berlangsung di Dewan Konvensyen Taman Tamadun Islam Kuala Terengganu, Terengganu. Program ini merupakan kesinambungan kepada Majlis Perasmian Program Advokasi Antigangguan Seksual yang telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Timbalan Perdana Menteri pada 29 Mei 2023 yang lalu. Negeri Terengganu merupakan negeri yang kelapan (8) bagi pelaksanaan Program Jerayawara KASIH KPWKM @Advokasi Antigangguan Seksual selepas Pulau Pinang, Sarawak, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Pahang dan juga Kelantan.

Antara pengisian program pada kali ini ialah Taklimat Advokasi Antigangguan Seksual oleh Jabatan Pembangunan Wanita (JPW), Forum bual bicara : Antigangguan Seksual dan pameran daripada agensi-agensi, jualan rahmah serta jualan produk tempatan yang diusahakan oleh kumpulan sasar KPWKM.

Turut hadir dalam program ini YBhg. Datuk Dr. Maziah binti Che Yusoff, Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, YBhg. Dato' Haji Anuar Bin Awang, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu (Pengurusan) dan pegawai-pegawai kanan Kementerian.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT
10 SEPTEMBER 2023**